

Takaful Tarbiyah

Tarbiyah Takaful

Takaful Brunei Keluarga Directory

Head Office

Unit 1 & 2, Kompleks Seri Kiulap, Kg. Kiulap
Gadong, Bandar Seri Begawan BE1518
Tel: +673 223 1100
Fax: +673 223 7045

Delima

Unit A1, Bangunan Desa Delima, Simpang 44
Kg. Pancha Delima, Jalan Muara BB4513
Tel: +673 223 1687/1654
Fax: +673 223 1671

Tutong

Unit 16 & 17, 1st Floor, OG Complex
Kg. Petani, Tutong, TA1411
Tel: +673 422 2875
Fax: +673 426 1194

Kuala Belait

Ground Floor, Plaza Sutera Biru
Jalan Sungai, Kuala Belait KA2331
Tel: +673 334 1083/4
Fax: +673 334 1082

Department of Labour

Ministry of Home Affairs
Bandar Seri Begawan, BB3910
Tel: +673 238 1461

TBK Claims Department

Tel: +673 223 1100 ext. 501/2
Fax: +673 223 7045
Mobile: +673 873 4885

TBK Call Centre
+673 223 1100



PERLINDUNGAN & SIMPANAN | PROTECTION & SAVINGS



Pilihan C – Caruman Manfaat Takaful yang minima

	Kanada	UK / Ireland	Australia	Mesir
Tempoh Takaful				
10 Tahun	BND\$100			
15 Tahun				
20 Tahun				
	Jordan	Malaysia	USA	Perancis
Tempoh Takaful				
10 Tahun	BND\$100			
15 Tahun				
20 Tahun				

Skop Perlindungan

Skop perlindungan bagi pelan ini meliputi kematian dan keilatan kekal.

Cara Pengendalian

Ansuran caruman Takaful yang dibayar oleh peserta akan diuruskan melalui konsep Syara' iaitu yang berasaskan Tabarru' dan Al-Mudharabah.

Akaun Peserta & Akaun Khas Peserta

Amaun ansuran caruman Takaful akan dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga. Didalam Kumpulanwang Takaful Keluarga, amaun ansuran caruman akan dibahagikan kepada dua akaun iaitu Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta.

Sebahagian besar ansuran caruman tersebut dikreditkan ke dalam Akaun Peserta (AP) untuk tujuan tabungan. Sementara bakinya dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta (AKP) sebagai tabarru' (derma) bagi tujuan khairat kematian.

Ansuran caruman ini akan dilaburkan mengikut cara-cara yang bersesuaian oleh Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd untuk mendapat keuntungan.

Tabarru' (Derma)

Kadar pembahagian ansuran caruman untuk dimasukkan ke dalam Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta adalah mengikut umur peserta:

Skop Perlindungan Kematian dan Keilatan

Kumpulan Umur	Tempoh Matang		
	5 Tahun	10 Tahun	15 Tahun
(Tahun)			
18 – 25	2.2%	3.9%	5.5%
26 – 30	2.2%	3.9%	5.5%
31 – 35	2.8%	5.0%	7.2%
36 – 40	3.9%	6.6%	9.9%
41 – 45	5.5%	9.4%	13.8%
46 – 50	7.7%	13.8%	
51 – 55	13.8%		

Matang

Apabila peserta masih hidup pada tempoh penyertaan matang maka manfaat Takaful akan dibuat adalah seperti contoh berikut:

Umur	25 tahun
Pilihan A / Kanada	10 tahun
Skop Perlindungan	Kematian dan Keilatan Kekal
Ansuran caruman bulanan	BND\$268
Tabarru'	2.2%

Akaun Peserta : BND\$262.10 x 12 x 10 =	BND\$31,452
(bayaran bulanan selama 10 tahun dari tarikh masuk hingga ke tarikh matang), berserta keuntungan dari pelaburan selama tempoh 10 tahun, sebagai contoh	BND\$14,174

Akaun Khas Peserta :	
apa-apa lebihan yang ditentukan oleh Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd, jika ada.	
Jumlah manfaat =	BND\$45,626 + apa-apa lebihan yang ditentukan oleh Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd.

Kematian

Jika ditakdirkan peserta meninggal dunia ditahun ke tiga penyertaan maka manfaat Takaful adalah seperti berikut (berpandukan contoh di bermuka sebelah):

Akaun Peserta : BND\$262.10 x 12 x 3 =	BND\$9,436
(dari tarikh masuk hingga tarikh kematianya) berserta keuntungan dari pelaburan selama tempoh 3 tahun, sebagai contoh	BND\$1,006

Akaun Khas Peserta : BND\$268 x 12 x 7 =	BND\$22,512
(Baki ansuran caruman yang sepatutnya dibayar sekiranya Peserta masih hidup hingga ke tarikh matang)	
Jumlah manfaat =	BND\$32,954

Cara Penyertaan

Penyertaan dalam pelan ini ialah dengan mengisikan Borang Cadangan dan Akuam yang boleh didapati secara percuma dari Ibu Pejabat dan mana-mana cawangan Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd yang berdekatan.

Borang Penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd berserta ansuran caruman Takaful yang pertama.

Sijil Takaful penyertaan akan dikeluarkan sebagai tanda berkuatkuasa penyertaan anda dalam Takaful Tarbiyah,

Issued by Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd, formerly known as Takaful BIBD Sdn Bhd.

Apa Erti Takaful?

Dalam bahasa Arab, kata dasar bagi perkataan "Takaful" ialah diambil daripada perkataan 'Kafala' yang bererti untuk menjamin, menjaga atau memelihara. Takaful bermaksud saling jamin-jamin. Di dalam tafsiran Syara', takaful ialah satu pakatan kumpulan atau peserta yang bersetuju untuk saling JAMIN-MENJAMIN dan TOLONG-MENOLONG antara satu sama lain.

Ini bertepatan dengan Hadith Rasulullah S.A.W. yang bermaksud, "Dan Allah menolong hambanya selagi hambanya menolong saudaranya" – Makna Hadith riwayat Imam Muslim

Apa Tujuan Takaful?

Sistem Takaful adalah satu sistem saling berkerjasama dan saling jamin-menjamin berdasarkan kepada prinsip Al-Quran "At-Ta'awuni", atau ia adalah satu saluran yang mana membolehkan individu berikhtiar untuk SALING BANTU-MEMBANTU BAGI MENGHADAPI DAN BERKONGSI RISIKO serta MENYEDIAKAN MANFAAT BAGI MENGURANGKAN BEBAN KEWANGAN SESAMA MEREKA.

Apakah Ciri Utama Yang Membezakan Takaful dan Insurans Konvensional?

- Terdapat unsur 'IBADAT yang membawa ganjaran pahala
- Terdapat unsur TA'AWUN (BANTU-MEMBANTU)
- Terdapat unsur TABARRU' (DERMA IKHLAS BERTUJUAN)
- Tiada unsur RIBA' (BUMA ATAU FAEDAH)
- Tiada unsur MAISIR (PERJUDIAN)
- Tiada unsur GHARAR (KETIDAKPASTIAN)
- Ada perkongsian keuntungan dari pelaburan (AL-MUDHARABAH)

Asas Aqad Perniagaan Takaful

1. Takrif Tabarru' (Derma Ikhlas Bertujuan)

Tabarru' merupakan perkataan Arab yang bermaksud menderma secara ikhlas. Dalam konteks perniagaan Takaful, setiap peserta yang ingin mendapatkan perlindungan Takaful mestilah hadir dengan niat yang ikhlas untuk menderma sumbangan (ke dalam Dana Takaful) mengikut apa yang telah ditetapkan bersesuaian dengan tingkat risiko yang dibawanya bagi membantu para peserta yang lain jika mereka menghadapi musibah dan Pengendali takaful akan menetapkan kadar tertentu untuk memberikan keadilan kepada semua pihak. Dalam erti kata lain yang lebih tepat ialah, semua peserta tersebut bersetuju untuk

saling membantu di kalangan mereka di atas niat yang sama. Adapun Sistem Tabarru' ini adalah sistem yang paling utama di dalam sistem Takaful yang mana ianya menjadikan Takaful bebas daripada elemen Riba, Gharar dan Maisir.

2. Al-Wakalah

Perkataan Al-Wakalah adalah diambil daripada perkataan bahasa Arab "Wakeel" yang membawa maksud perwakilan. Dalam konsep ini, peserta membuat aqad yang membenarkan pengendali Takaful yang dilantik sebagai wakil untuk menjaga serta menguruskan dana-dana Takaful.

3. Al-Mudharabah (Amanah Berkongsi Keuntungan)

Dalam konteks Takaful, Al-Mudharabah bermaksud perjanjian di antara Peserta sebagai Rab al-Mal (Penyumbang Dana) dan Pengendali Takaful sebagai Mudharib (Pengusaha Dana) yang mana Peserta bersetuju membenarkan Pengendali Takaful menguruskan dana Takaful termasuk pelaburan yang halal bagi dana Takaful tersebut. Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan akan dibahagi dan dikongsi di antara peserta dan pengendali Takaful mengikut nisbah yang telah dipersetujui.

Takaful Tarbiyah

Pengenalan

Dengan perkembangan dunia 'cyber' pada masa kini, keperluan serta penyediaan pelajaran semakin meningkat. Sejak dengan ini kos bagi membiayai pelajaran juga turut bertambah. Berdasarkan maklumat terkini, Yuran Pengajian dan Elaun Sara Hidup bagi pengajian ijazah pertama secara purata mengikut negeri adalah seperti berikut:

	Kanada	UK / Ireland	Australia	Mesir
Yuran Pengajian	B\$32,216	B\$80,280	B\$57,774	-
Sara Hidup	B\$51,173	B\$55,869	B\$45,991	B\$62,883
Jumlah	B\$83,389	B\$136,149	B\$103,765	B\$62,883

	Jordan	Malaysia	USA	Perancis
Yuran Pengajian	B\$33,522	B\$35,671	B\$58,203	-
Sara Hidup	B\$60,853	B\$46,440	B\$39,158	B\$55,355
Jumlah	B\$94,375	B\$82,111	B\$97,361	B\$55,355

Bagi menyempurnakan hajat anda, Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd bersedia membantu untuk mengumpul satu dana bagi membolehkan anda menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran dimana-mana negeri pilihan mereka.

Takaful Tarbiyah

Pelan ini dikhususkan untuk seseorang yang berhasrat untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke luar negeri mengikuti kursus ijazah pertama. Pelan ini dibahagikan kepada beberapa pilihan yang bersesuaian mengikut negeri-negeri tempat kursus ditawarkan dan mengikut tempoh penyertaan bagi kemampuannya dalam mengumpul sejumlah wang dengan lebih sistematik dan teratur.

Tujuan

Tujuan asas pelan ini ialah :

- Menabung secara teratur dan sistematik bagi tujuan menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran ke luar negeri mengikuti kursus ijazah pertama
- Menyempurnakan hajat seseorang untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran di negeri pilihan mereka jika ditakdirkan meninggal dunia atau mengalami keilatan kekal
- Memperolehi simpanan yang berasaskan hukum syaria'
- Menerima pulangan keuntungan yang diluluskan oleh Syariah.

Kelayakan

Takaful ini boleh disertai oleh individu yang berumur diantara 18 tahun sehingga 55 tahun.

Tempoh Penyertaan

Tempoh penyertaan bagi pilihan-pilihan yang disediakan ialah selama 10, 15 dan 20 tahun.

Pilihan

Takaful Tarbiyah menyediakan tiga pilihan iaitu:

Pilihan A	Manfaat Takaful yang boleh membayar yuran pengajian sahaja
Pilihan B	Manfaat Takaful yang boleh membayar yuran pengajian dan sara hidup
Pilihan C	Manfaat yang minima

Ansuran Caruman Takaful

Amaun ansuran caruman Takaful adalah terpulang kepada kemampuan seseorang. Walaubagaimanapun amaun minima ansuran caruman setiap bulan yang telah ditetapkan bagi menyertai pelan ini adalah seperti berikut:

Pilihan A – Caruman Manfaat Takaful yang boleh membayar Yuran Pengajian sahaja

	Kanada	UK / Ireland	Australia
Tempoh Takaful			
10 Tahun	BND\$268	BND\$669	BND\$481
15 Tahun	BND\$179	BND\$446	BND\$321
20 Tahun	BND\$134	BND\$335	BND\$241

	Jordan	Malaysia	USA
Tempoh Takaful			
10 Tahun	BND\$279	BND\$297	BND\$485
15 Tahun	BND\$186	BND\$198	BND\$323
20 Tahun	BND\$140	BND\$149	BND\$243

Pilihan B – Caruman Manfaat Takaful yang boleh membayar Yuran Pengajian dan Sara Hidup

	Kanada	UK / Ireland	Australia	Mesir
Tempoh Takaful				
10 Tahun	BND\$695	BND\$1,135	BND\$865	BND\$524
15 Tahun	BND\$463	BND\$756	BND\$576	BND\$349
20 Tahun	BND\$347	BND\$567	BND\$432	BND\$262

	Jordan	Malaysia	USA	Perancis
Tempoh Takaful				
10 Tahun	BND\$786	BND\$684	BND\$811	BND\$461
15 Tahun	BND\$524	BND\$456	BND\$541	BND\$308
20 Tahun	BND\$393	BND\$342	BND\$406	BND\$231